

Jenis Akhbar : *Harian Metro*  
Tarikh : *25/03/2026*  
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 23*  
Tajuk : *MHSB, Optimax meterai MoU*

## PERLUAS AKSES PERKHIDMATAN RAWATAN MATA ANGGOTA KOPERASI

# MHSB, Optimax meterai MoU

**Seri Kembangan:** Syarikat MyANGKASA Holdings Sdn Bhd (MHSB), anak syarikat milik penuh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Optimax Eye Specialist Centre bagi memperluas akses perkhidmatan rawatan mata kepada anggota koperasi dan keluarga mereka di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Mohamad Alamin berkata, kerjasama strategik itu satu langkah penting dalam memudahkan anggota koperasi mendapatkan rawatan kesihatan mata termasuk pembedahan berkaitan penglihatan.

"Kerjasama strategik telah terbentuk antara MHSB dan Optimax adalah satu langkah strategik yang baik khususnya bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada anggota koperasi di seluruh negara.

"Bukan hanya anggota koperasi, tetapi ahli keluarga mereka juga akan mendapat manfaat daripada MoU ini untuk mendapatkan rawatan mata termasuk pembedahan berkaitan mata," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian MoU itu.

Beliau berkata menerusi kerjasama itu, anggota koperasi boleh mendapatkan rawatan tanpa perlu membuat bayaran pendahuluan kerana pembayaran boleh dilakukan melalui kaedah

potongan gaji.

"Dengan cara potongan gaji, anggota dapat memudahkan urusan rawatan tanpa perlu mengeluarkan duit pendahuluan. Ini merupakan satu langkah berani diambil MHSB," katanya.

MoU tersebut ditandatangani Naib Presiden Angkasa dan Pengarah MHSB Datuk Che Mohd Shukree Che Isa dan Ketua Pegawai Eksekutif Optimax Eye Specialist Centre Sandy Tan Sing Yee.

Rawatan dan prosedur kesihatan mata ditawarkan kepada anggota koperasi melalui kemudahan Sistem Potongan Gaji ANGKASA bagi memudahkan pembayaran secara berperingkat.

Program itu melibatkan rangkaian 24 cawangan Optimax di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan akses kepada pelbagai rawatan mata termasuk pembetulan rabun serta rawatan bagi penyakit mata lain. - BERNAMA

**"Bukan hanya  
anggota koperasi,  
tetapi ahli keluarga  
mereka juga akan  
mendapat manfaat  
daripada MoU ini  
untuk  
mendapatkan  
rawatan mata"**

*Timbalan Menteri  
Pembangunan Usahawan  
dan Koperasi,  
Datuk Mohamad Alamin*

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA